

TEKS UCAPAN

**YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN
DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2024**

**TARIKH : 4 JANUARI 2024 (KHAMIS)
MASA : 9:00 PAGI
TEMPAT : PERKARANGAN DUN NEGERI
SEMBILAN**

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Malaysia Madani,
Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

**YB Dato' Mohd Zafir Ibrahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

**YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri**

**Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan
Persekutuan dan Negeri**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul sempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2024.**

2. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua Ketua Jabatan yang bersama-sama saya dalam majlis ini dan seterusnya, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan

dan agensi strategik di Negeri Sembilan, atas penganjuran perhimpunan pada pagi ini, untuk saya menyampaikan amanat kepada seluruh penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan. Saya yakin dan percaya, dengan tahun baharu, semangat dan iltizam warga kerja Negeri Sembilan juga baharu.

Sidang hadirin sekalian,

3. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan sebagai penjawat awam telah menjunjung tinggi amanah yang besar

kepada negeri ini. Secara amnya, saya amat berpuas hati dan merasakan kecemerlangan penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan tidak kira di Jabatan Negeri mahupun Persekutuan. Suka saya umumkan, sehingga 31 Disember 2023, hasil negeri yang berjaya dikutip berjumlah **RM541.29 juta** bersamaan **120.29** peratus melebihi sasaran kutipan tahun lalu iaitu **RM450 juta**. Kita berjaya mengubah **belanjawan defisit RM108.96 Juta kepada Surplus RM4.79 Juta**.

4. Negeri Sembilan juga berada dalam keadaan pentadbiran yang stabil dan bersih, rakyat yang muafakat dan negeri yang sejahtera. Tahniah kepada semua. Inilah hasil muafakat gabungan muka lama dan baharu anggota pentadbiran kerajaan yang berdiri teguh bersama saya.
5. Alhamdulillah, Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan telah dibentuk hasil dari muafakat yang baik antara pemimpin-pemimpin kita dan seluruh penjawat awam merasai dimensi politik baharu di negara ini. Maka, melalui rencana Kerajaan Perpaduan yang

ada, saya percaya amanah dan semangat kerja seluruh kakitangan kerajaan akan terus utuh demi memacu sebuah pembaharuan yang bermakna khususnya di Negeri Sembilan. **[AZAM DATO' SS TAHUN 2024- LEBIH MENGGANAS]**

6. Kita telah pun melangkah ke gerbang Tahun Baharu 2024. Saban tahun kita menyambut tahun baharu dengan melakukan muhasabah untuk menilai kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang ditempuh. Maka, untuk tahun 2024 ini, menjadi harapan saya agar

kekayaan dan kemakmuran hasil negeri ini diagihkan secara saksama selaras dengan tema Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2024 iaitu “**Bersama Membina Negeri Madani**”. Sama-samalah kita berusaha ke arah itu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Oleh yang demikian, untuk tahun 2024 saya mahu penjawat awam di Negeri Sembilan berpegang kepada empat (4) strategi ini. Pertama, **memperkasa usaha menangani kos sara hidup rakyat.**

Kerajaan Negeri telah mencari pelbagai kaedah terbaik supaya rakyat tidak terlalu terbeban dengan kenaikan harga barang dan bekalan makanan yang mencukupi.

8. Pelbagai program pemerkasaan ekonomi rakyat telah berjaya dilaksanakan **sejak 2018** termasuklah, Bantuan Modal untuk Usahawan seperti **TUNS**, Bantuan Anak Sekolah (**BAS**), Biasiswa Anak Negeri (**BAN**) , Bantuan Sara Hidup (**BSH**) pelajar-pelajar universiti dari keluarga B40, pemberian subsidi Rumah Harapan, Insentif untuk Petani-Petani dan ratusan lagi projek

kesejahteraan rakyat yang tidak dapat saya sebutkan di sini.

9. Untuk tahun 2024, saya menyeru semua penjawat awam di negeri ini bersedia membantu rakyat yang berhadapan dengan isu kos sara hidup terutama Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar untuk keluar daripada kepompong nasib mereka. Pastikan kerjasama dengan agensi-agensi yang memberi perkhidmatan terus kepada rakyat seperti Baitulmal Negeri Sembilan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

10. Saya percaya usaha berterusan ini akan memastikan bahawa kekayaan harta negeri ini tidak berlegar dalam golongan tertentu sahaja dan seterusnya dapat menangani jurang ketidaksamarataan ekonomi antara rakyat. Dengan ini, tanggungjawab terhadap penambahbaikan kehidupan rakyat akan mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri menangani segenap aspek dan permasalahan ekonomi serta sosial masyarakat.

Para hadirin sekalian,

11. Kedua, **meningkatkan hasil ekonomi negeri melalui urustadbir yang baik dan berkesan.** Negeri Sembilan telah melonjakkan hasil negeri dari **RM400 Juta ke RM500 Juta** dalam tempoh 5 tahun pentadbiran ini. Lonjakan ini adalah kerana kita mempunyai kesepakatan dalam urustadbir kewangan negeri ini. Kuncinya adalah **urus kewangan dengan baik, elak pembaziran, dan cegah ketirisan dan amalan rasuah.** Setiap ringgit hasil kerajaan negeri dibelanjakan dengan mengikut keperluan. Keutamaan adalah kepada rakyat negeri ini. Saya yakin dengan

istilah **keberkatan**. Kita **Amanah, Jujur** dan **Adil**, maka Allah akan memberikan pelbagai kebaikan dan nikmat kepada kita semua.

12. YAB Perdana Menteri selalu menyebut tentang tatakelola yang baik dalam pentadbiran walaupun ada pihak yang mempersendakan perkataan tersebut. Selepas setahun beliau memimpin, belum ada lagi ketirisan yang berlaku dan kita dapati banyak manfaat yang diberikan kepada rakyat melalui **Skim Tunai Rahmah**. Bukan itu sahaja, kestabilan kerajaan yang menjadi pemangkin kepada kekukuhan

ekonomi negara sekali gus merancakkan kemasukkan pelabur ke Malaysia sehinggakan jumlah komitmen pelaburan luar ke Malaysia telah mencecah RM347 billion.

13. Pada hari Selasa yang lalu, semasa pelancaran PADU di Putrajaya, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada SPRM dan PDRM kerana begitu tegas kepada pelaku-pelaku rasuah. Bahkan beliau memberi kuasa penuh kepada SPRM untuk menjejaki dalam setiap kementerian mana-mana individu yang terlibat dengan rasuah. Saya juga sealign dengan Perdana

Menteri. Saya memberi kuasa penuh kepada SPRM untuk masuk dan terus siasat mana-mana kakitangan awam kerajaan Negeri Sembilan jika mereka terlibat dalam rasuah dan penyelewengan. Jika ada yang sedang berniat atau sedang merancang untuk tujuan tersebut, lebih baik berhenti sebelum SPRM datang ke pejabat anda. **[Saya dulu pun pernah berkhidmat dengan BPR]**

Tuan-puan yang dihormati sekalian,

14. Ketiga, memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan penuh integriti. Sistem penyampaian awam di Negeri Sembilan perlu diperhebat demi mengoptimumkan sumber kerajaan untuk manfaat rakyat. Untuk memperkukuh daya saing yang tinggi setanding dengan penjawat awam di negeri lain, saya menggalakkan kerjasama antara Jabatan mengadakan lawatan paras piawaian (*benchmarking*), sesi libat urus, resolusi persidangan dan perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion*) sama ada di dalam negeri atau luar negeri.

Namun, hasilnya perlu dibentangkan dan diaplikasikan ke negeri ini sebagai timbal balik kepada kerajaan.

15. Dato' SS ada memberi komentar kepada saya berkenaan situasi dan budaya kerja kakitangan awam kerajaan negeri. Beliau melihat bahawa dalam tempoh 5 tahun ini, banyak kelebihan dan layanan yang baik diberikan kepada penjawat awam negeri ini oleh saya selaku Menteri Besar. Oleh sebab itu, azam beliau juga tahun 2024 ini, beliau memberi tempoh 5 bulan sahaja kepada

semua kakitangan di bawah beliau untuk bersiap sedia. Jika panglima perang sudah bersedia, mustahil askar-askar masih boleh tidur lena.

16. Keempat, Mencanai minda dan sedia berdepan dengan cabaran mendatang. Sesungguhnya, perkhidmatan awam yang ada di negeri ini perlu fleksibel, relevan dan kontekstual ke arah budaya menghasilkan warga kerja yang berdaya tahan. Segala potensi, tugas dan amanah yang disandang perlu mencakupi budaya berdaya

saing peringkat global untuk memberikan nilai terbaik kepada rakyat. Maka, pelbagai pelan tindakan berdasarkan mentaliti baharu perlu diperluas agar padan dengan realiti yang dihadapi. [Saya dimaklumkan oleh Dato' Zafir untuk **mengumumkan pelaksanaan Jadual Waktu Bekerja Flexible (BWF) bagi Kakitangan Perkhidmata Awam Negeri Sembilan bermula 15 Januari 2024.**]

17. Pada kala waktu sebegini, keprihatinan semua pihak amat dituntut dan perlu ditingkatkan. Kesyukuran penyampaian

perkhidmatan awam yang cemerlang perlu diadaptasi bersama-sama dengan membantu masyarakat meningkat ekonomi sedia ada. Demi kelangsungan kehidupan agar ekonomi negeri kembali segar dan mampan, kombinasi kesefahaman dan usaha sama semua pihak amat didambakan.

18. Sebagai imbalan kepada usaha kakitangan kerajaan, saya sangat menyokong usaha Kerajaan Madani hari ini untuk menaikkan gaji kakitangan awam melalui dasar Skim Gaji Progresif yang

diumumkan oleh Kementerian Ekonomi. Kerajaan Negeri menyambut baik usaha ini. Alhamdulillah, setelah 12 tahun kakitangan awam tiada sebarang kenaikan gaji dan terpaksa berdepan dengan kenaikan kos sara hidup, kita berharap usaha baik ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

Sidang hadirin sekalian,

19. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini.

Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini. Moga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti. Hari ini juga saya ingin lancarkan tema bagi wajah baharu komitmen Kerajaan Negeri Sembilan bermula tahun 2024 iaitu **Proaktif, Mesra** dan **Responsif** selaras pegangan kata kunci negeri ini iaitu **Bersih, Muafakat, Sejahtera**.

20. Saya berdoa semoga kita sentiasa diberkati dan dipermudah segala urusan. Marilah kita bersama-sama melangkah ke tahun baharu 2024 dengan lebih berani dan yakin bahawa tahun yang baharu ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.